



# KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA

# SIARAN MEDIA

MOD.100/2/1/2 JLD 6 ( ) 01/02

## KAJIAN SEPARUH PENGGAL KERTAS PUTIH PERTAHANAN (KSP KPP)

**KUALA LUMPUR, 13 Februari 2024** - Menteri Pertahanan, YB Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin hari ini telah menyempurnakan majlis *Kick Off* Kajian Separuh Penggal Kertas Putih Pertahanan (KSP KPP).

KPP telah diluluskan di Parlimen pada tahun 2019 dan telah dilaksanakan mengikut perancangan semenjak tahun 2020 sehingga kini di bawah Rancangan Malaysia Ke-12. Dokumen ini telah menetapkan bahawa satu kajian separuh penggal perlu dilaksanakan menjelang tahun 2025 untuk menilai pencapaian pelaksanaan KPP serta membuat penambahbaikan bagi meneruskan pelaksanaan di bawah Rancangan Malaysia Ke-13 (RMKe-13).

KSP KPP juga perlu dilaksanakan kerana perkembangan geopolitik yang telah banyak berubah sejak KPP diluluskan pada tahun 2019 yang memberi kesan kepada Malaysia khususnya dan dunia amnya. Ini termasuk pandemik COVID-19, perubahan iklim yang menyumbang kepada bencana alam, peperangan di Ukraine, perjanjian antara Australia, United Kingdom dan Amerika Syarikat (AUKUS) dan konflik di Gaza. Melihat kepada perkembangan geopolitik ini, KPP memerlukan penambahbaikan dari aspek dasar dan pelaksanaan dalam mendepani cabaran masa kini dan masa hadapan bagi memastikan Malaysia kekal selamat, berdaulat dan makmur.

KSP KPP ini akan menggunakan pendekatan keseluruhan kerajaan dan keseluruhan masyarakat bagi mengumpulkan pandangan dan maklum balas kesemua pihak-pihak berkepentingan melalui pelbagai kaedah libat urus seperti mesyuarat, persidangan, bengkel, *town hall* dan soal selidik secara atas talian.

Kementerian Pertahanan berharap agar kesemua pihak dapat memberikan sokongan dan kerjasama bagi menjayakan KSP KPP ini secara fizikal mahupun secara atas talian. Rakyat juga boleh mengambil bahagian dengan memberikan pandangan dan cadangan melalui portal KSP KPP di alamat [kspkpp.mod.gov.my](http://kspkpp.mod.gov.my).

**-TAMAT-**

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

**“PERTAHANAN NEGARA TANGGUNGJAWAB BERSAMA”**

---

**Kementerian Pertahanan Malaysia**  
**13 Februari 2024**

## **FACT SHEET**

### **MAJLIS “KICK-OFF” KAJIAN SEPARUH PENGGAL KERTAS PUTIH PERTAHANAN**

#### **DEWAN PERKASA, WISMA PERWIRA ATM 13 FEBRUARI 2024**

1. Menteri Pertahanan YB Dato’ Seri Mohamed Khaled bin Nordin telah menyempurnakan Majlis “Kick-off” Kajian Separuh Penggal Kertas Putih Pertahanan pada 13 Februari 2024 bertempat di Dewan Perkasa, Wisma Perwira ATM.
2. Majlis ini bertujuan melancarkan Kajian Separuh Penggal (KSP) Kertas Putih Pertahanan (KPP). Kajian Separuh Penggal ini bertujuan untuk melihat pencapaian pelaksanaan Kertas Putih Pertahanan (KPP) sepanjang Rancangan Malaysia ke-12 (RMKe-12) serta mengenalpasti langkah-langkah penambahbaikan untuk meneruskan pelaksanaan semasa RMKe-13.
3. KSP KPP ini akan dilaksanakan bagi tempoh satu tahun dan dijangka akan siap pada suku keempat tahun 2024.

#### **Latar Belakang**

##### **Kertas Putih Pertahanan**

4. KPP merupakan satu dokumen terbuka dasar pertahanan negara yang telah diluluskan di Parlimen pada 2 Disember 2019. Dokumen ini merencana hala tuju pertahanan negara bagi tempoh 10 tahun bermula tahun 2021 sehingga tahun 2030 iaitu merangkumi Rancangan Malaysia ke-12 (RMKe-12) dan Rancangan Malaysia ke-13 (RMKe-13)
5. Sebagai KPP Malaysia yang pertama, kertas ini menerangkan pendirian kerajaan berkaitan pertahanan negara, membentangkan perspektif strategik yang mempengaruhi keselamatan negara dan menggariskan satu Kerangka Pertahanan Negara bagi memastikan Malaysia kekal selamat, berdaulat dan makmur.
6. Selaras dengan pendekatan bahawa pertahanan adalah tanggungjawab bersama, KPP telah dibangunkan dengan menggunakan pendekatan keseluruhan kerajaan (*whole-of-government*) dan keseluruhan masyarakat (*whole-of-society*). Sesi libat urus telah diadakan dengan semua kementerian serta agensi Kerajaan termasuk suara semua lapisan masyarakat, Badan-badan Bukan Kerajaan (NGO), pemain Industri Pertahanan, Veteran ATM serta ahli akademik serta beberapa negara rakan strategik.

7. KPP adalah bukti komitmen kerajaan untuk memperkasakan pertahanan dan daya tahan negara untuk melindungi kepentingan negara dan mempertahankan kedaulatan serta keutuhan wilayah.

### **Kajian Separuh Penggal Kertas Putih Pertahanan**

8. Sejak KPP dilancarkan pada tahun 2019 sehingga kini, pelbagai peristiwa telah berlaku yang mengubah persekitaran strategik, seterusnya memberi kesan kepada Malaysia khususnya dan dunia amnya. Pandemik COVID-19, perubahan iklim, peperangan Ukraine-Russia, ketegangan di Selat Taiwan dan konflik Palestin dan Israel memberi kesan langsung terhadap keselamatan negara.
9. Mengambil kira perubahan persekitaran strategik berkenaan, KSP perlu dilaksanakan bagi menjajarkan semula hala tuju pertahanan negara. Penemuan dan syor penambahbaikan yang dikenalpasti semasa penghasilan dokumen berkenaan seterusnya akan dilaksanakan semasa RMKe-13.
10. KSP KPP ini bermatlamat untuk mencapai objektif seperti berikut:
  - i. Menilai pencapaian semasa KPP;
  - ii. Mengkaji persekitaran strategik semasa; dan
  - iii. Menambahbaik dasar dan pelaksanaan KPP.
11. Dokumen KSP KPP ini akan menjadi dokumen sisipan kepada KPP sedia ada dan perlu dibaca bersama untuk dijadikan rujukan utama kepada Kementerian Pertahanan khususnya dan Kerajaan amnya dalam menguruskan pertahanan negara dalam tempoh 2026-2030 di bawah RMKe-13.

### **Pendekatan**

12. Bagi membangunkan KSP, Kementerian Pertahanan akan meneruskan pendekatan keseluruhan kerajaan dan keseluruhan masyarakat dan melaksanakan pelan libat urus dengan pihak-pihak berkepentingan seperti berikut:
  - i. Pemegang Taruh Nasional – semua kementerian dan agensi berkaitan;
  - ii. Pemegang Taruh Keselamatan – kementerian dan agensi berkaitan keselamatan;
  - iii. Pemegang Taruh Pertahanan – Kementerian Pertahanan, ATM dan agensi-agensi di bawah Kementerian Pertahanan;
  - iv. Industri Pertahanan – pemain industri pertahanan tempatan;
  - v. Masyarakat Sivil – pertubuhan bukan kerajaan, pertubuhan berdaftar dan rakyat; dan

- vi. Negara Rakan – Penasihat Pertahanan, Pakar Bidang Khusus dan perwakilan asing.
- 13. Pelan libat urus ini akan melibatkan aktiviti-aktiviti seperti mesyuarat, bengkel, townhall, persidangan, forum, dan soal selidik secara atas talian.
- 14. Satu portal KSP KPP juga telah disediakan bagi memberi peluang kepada semua lapisan masyarakat untuk memberi maklum balas kepada pelaksanaan semasa KPP dan cadangan penambahbaikan kepada pelaksanaan KPP akan datang.
- 15. Pautan portal adalah seperti berikut: <https://kspkpp.mod.gov.my/>